



KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI MALAYSIA

Aras 3-7, Blok C4, Parcel C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62662 Putrajaya, Malaysia

MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION, MALAYSIA

Level 3-7, Block C4, Parcel C, Federal Government Administrative Centre
62662 Putrajaya, Malaysia

603-8885 8000 (Tel.)

603-8888 9070 (Fax)

www.mosti.gov.my

SEGERA DENGAN FAKS

MOSTI/ANT/BIL-1/3/53

8 November 2007

SENARAI EDARAN ADALAH SEPERTI DI LAMPIRAN

Tuan/Puan,

**RITSUMEIKAN UNIVERSITY TECHNOLOGY SEED FAIR 15-16 NOVEMBER
2007, KUALA LUMPUR**

Dengan segala hormatnya surat bertarikh 5 November 2007 yang dikemukakan oleh Kementerian Luar Negeri ke Kementerian ini adalah dirujuk (Brosur pameran ini disertakan bersama-sama ini).

2. Untuk makluman pihak tuan, Universiti Ritsumeikan di Jepun telah dipilih oleh kerajaan Jepun sebagai universiti model bagi "International Industry-Academia-Government Collaboration System" dan mereka sedang membuat persiapan untuk menganjurkan buat kali pertama kalinya di Malaysia "Advanced Technological Seeds Fair". Pameran ini dijadualkan berlangsung dari 15-16 November 2007 di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur.

3. Justeru, Universiti Ritsumeikan telah memohon kerjasama daripada pihak kerajaan Malaysia untuk menyebarkan maklumat pameran dengan menjemput pihak institusi atau individu yang berminat untuk menyertai pameran ini. Kumpulan sasaran adalah institusi-institusi awam, universiti, institusi penyelidikan, pengurus-pengurus pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D), usahawan, pelabur, perunding dan juga individu yang berminat dengan teknologi yang diperkenalkan. Tiada sebarang bayaran yang akan dikenakan untuk menyertai pameran tersebut.

4. Sehubungan itu, sekiranya pihak tuan berminat untuk menyertai pameran ini, tuan boleh menghubungi pegawai Kementerian Luar Negeri melalui e-mail: rahimah@kln.gov.my dan Tel: 03-88874405 untuk tindakan susulan sewajarnya.



PT (1)
Ewaga

14/11

5. Kerjasama dan maklum balas awal daripada tuan/puan dalam perkara ini adalah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(GANESAN JEYABALAN)

b.p Ketua Setiausaha

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Tel: 03-8885 8844

Faks: 03-8889 2977